

# DIFTERIA

## 1. Apakah itu Difteria?

Difteria adalah jangkitan akut yang menjejaskan sistem pernafasan. Jangkitan ini disebabkan oleh *Corynebacterium diphtheriae*. Bakteria yang dijangkiti oleh virus *corynebacteriophage* akan mengeluarkan toksin difteria. Ia akan menjangkiti tekak (tonsil, farinks, larinks, hidung) dan kadangkala selaput mukus lain, kulit, konjunktiva dan kemaluan.

## 2. Bagaimana Difteria tersebar?

Jangkitan difteria tersebar dari manusia kepada manusia melalui titisan cecair dan sentuhan fizikal.

## 3. Berapa lamakah tempoh pengeraman?

2 hingga 5 hari atau lebih lama. Jangkitan adalah teruk dan boleh mengancam nyawa. Komplikasi adalah sepanjang hayat bagi individu yang tidak mendapat imunisasi secukupnya. Risiko meningkat di kawasan yang sesak dan mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah.

## 4. Apakah Tanda dan Gejala yang boleh di dapati sekiranya dijangkiti oleh Difteria?

Pembebasan sitotoksin menyebabkan keradangan dan terbentuknya selaput lembut berwarna kelabu di sekitar tekak. Pesakit juga akan berasa sukar menelan kerana tekak berasa sakit di kawasan antara rongga mulut dan farinks dan bengkak pada kelenjar leher. Bagi kes yang teruk, leher menjadi bengkak dan edema.

## 5. Apakah komplikasi yang boleh ada selepas dijangkiti Difteria?

Kelumpuhan saraf kranial, motor periferi dan deria serta miokarditis. Kelumpuhan saraf otak, kaki dan tangan (motor periferi) serta deria dan radang pada jantung

(miokarditis)

## **6. Bagaimana penyakit ini dapat dicegah?**

Penyakit ini dapat dicegah melalui pengambilan pelalian/vaksin. Vaksin yang akan diberi ialah Toksoid Difteria. Berdasarkan Program Imunisasi Kebangsaan, pelalian akan diberi ketika kanak-kanak berumur 2, 3 dan 5 bulan. Seterusnya dos tambahan akan diberi ketika berumur 18 bulan dan 7 tahun.